

DASAR PRIVASI

Tarikh Berkuat Kuasa: 10 Jun 2022

Selamat datang ke The Clara Abbott Foundation (dirujuk sebagai "The Foundation", "Clara Abbott", "kami", dll.). Privasi anda sangat penting bagi kami. Maklumat di bawah membentuk Dasar Privasi kami. Dasar ini menerangkan mengenai maklumat yang kami kumpul, menerangkan cara kami menggunakan dan berkongsi maklumat yang kami kumpul, menggariskan hak dan pilihan yang anda ada berkaitan dengan maklumat tersebut dan meringkaskan cara kami menggunakan hak tersebut.

Sila baca Dasar Privasi ini sebelum menggunakan tapak sesawang The Clara Abbott Foundation atau menyerahkan Maklumat Peribadi kepada kami.

I. Skop

Dasar ini terpakai kepada maklumat yang dikumpul semasa melawati tapak sesawang kami, menghubungi kami, memohon bantuan, atau maklumat yang diperoleh sebelum ini oleh The Foundation berhubung dengan aktiviti yang dirujuk di atas.

Kami akan menyemak dan mengemas kini Dasar ini dengan kerap mengikut kewajipan perlindungan data kami. Kami mungkin akan meminda, mengemas kini, atau menambah Dasar dari semasa ke semasa.

II. Apakah "Maklumat Peribadi" menurut Dasar Privasi ini?

"Maklumat Peribadi" bermaksud maklumat yang mengecam anda atau boleh digunakan untuk mengecam anda dan maklumat yang diserahkan kepada dan/atau dikumpul oleh kami. Yayasan juga boleh mendapatkan Maklumat Peribadi secara tidak langsung, seperti daripada sumber yang tersedia secara umum (cth., tapak sesawang atau pangkalan data yang boleh diakses secara umum), vendor pihak ketiga, dan/atau rakan kongsi pihak ketiga. Kami boleh menggabungkan Maklumat Peribadi daripada pelbagai sumber dalam atau luar talian. Contoh Maklumat Peribadi termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- Maklumat dan pilihan untuk dihubungi seperti nama, alamat e-mel, alamat surat-menyurat, nombor telefon, pilihan bahasa dan tandatangan elektronik
- Maklumat akaun seperti mana-mana nama pengguna, e-mel dan kata laluan yang boleh anda pilih untuk mewujudkan akaun di tapak sesawang kami atau melalui proses permohonan
- Maklumat biografi dan demografi seperti tarikh lahir, umur, status perkahwinan anda dan demografi keluarga seperti nama, tarikh lahir, dan status pekerjaan pasangan dan anak
- Maklumat kewangan dan pembayaran seperti penyata gaji Abbott, penyata gaji pasangan, dan/atau penyata gaji penerima biasiswa. Kami mungkin mengumpul maklumat kewangan daripada biro kredit dan maklumat kewangan lain (cth., aset, penyata bank, bil/anggaran daripada pemiutang/vendor) yang anda sediakan sebagai sebahagian daripada perkhidmatan kami. Selain itu, kami mungkin mengumpul

- maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan transaksi, seperti arahan pengiriman, jika anda menerima tawaran
- Aktiviti Internet seperti alamat protokol Internet ("IP"), sejarah penyemakan imbas, sejarah carian anda dan maklumat tentang interaksi anda dengan perkhidmatan The Foundation. Untuk maklumat tambahan, lihat "Pengumpulan Maklumat Pasif" di bawah
 - Maklumat berkaitan kesihatan, seperti maklumat tentang keadaan kesihatan dan maklumat insurans
 - Maklumat Peribadi lain yang dikumpul daripada Abbott Workday dan Sumber Manusia Abbott (cth., tarikh pengambilan pekerja, tarikh persaraan)
 - Komunikasi dengan The Foundation

Jika anda memilih untuk menyerahkan apa-apa Maklumat Peribadi yang berkaitan dengan orang lain, anda menyatakan bahawa anda mempunyai kuasa untuk berbuat sedemikian dan membenarkan kami menggunakan Maklumat Peribadi tersebut mengikut Dasar ini.

III. **Bagaimanakah The Clara Abbott Foundation mengumpul maklumat?**

The Foundation mengumpul maklumat dengan cara berikut:

- **Maklumat Peribadi yang Anda Serahkan.** The Foundation mengumpul Maklumat Peribadi yang anda berikan kepada kami melalui proses permohonan kami dan/atau semasa interaksi anda dengan kami sama ada dalam talian, melalui telefon, atau melalui e-mel/mel. Sebagai contoh, anda mungkin telah menyerahkan nama, alamat pos, alamat e-mel anda dan/atau maklumat lain untuk menerima maklumat mengenai tentang pelbagai subjek, memohon bantuan kewangan atau biasiswa, menghubungi Clara Abbott untuk keperluan perkhidmatan pelanggan, atau menjawab soal selidik The Foundation. Anda juga mungkin telah berkongsi Maklumat Peribadi dengan kami apabila anda memohon bantuan dan/atau apabila anda berinteraksi dengan kami atau rakan kongsi pihak ketiga kami. Untuk melindungi privasi anda, anda tidak seharusnya memberi The Foundation apa-apa maklumat yang tidak diminta secara khusus.
- **Maklumat daripada Sumber Awam atau Pihak Ketiga.** Kami mungkin mengumpul Maklumat Peribadi daripada Abbott Workday dan Sumber Manusia Abbott. Kami juga mungkin mengumpul Maklumat Peribadi daripada sumber awam termasuk, tetapi tidak terhad kepada, media sosial dan tapak sesawang lain yang membenarkan perkongsian sosial. Maklumat peribadi juga mungkin boleh didapati daripada agensi-agensi kerajaan atau sumber maklumat awam atau pihak ketiga, penyedia perkhidmatan pihak ketiga atau rakan niaga.
- **Maklumat yang Dikumpul melalui Rakan Niaga.** Kadangkala kami bekerjasama dengan organisasi lain untuk memberi anda perkhidmatan kami. Apabila berlaku sedemikian, kami memerlukan maklumat tersebut dilindungi.
- **Pengumpulan Maklumat Pasif.** The Foundation boleh mengumpul maklumat tentang lawatan anda ke tapak sesawang tanpa anda menghantar maklumat sedemikian secara aktif. Maklumat boleh dikumpul menggunakan pelbagai teknologi seperti kuki dan suar web. Kuki ialah fail teks kecil yang dipindahkan ke cakera keras komputer anda oleh

tapak sesawang. Suar web (juga dirujuk sebagai fail GIF, piksel atau tag Internet) membantu The Foundation mengenal pasti kuki unik pada penyemak imbas anda. Penyemak imbas Internet anda akan menghantar beberapa maklumat secara automatik ke tapak sesawang The Clara Abbott Foundation, seperti URL tapak sesawang yang baru anda lawati dan versi penyemak imbas yang komputer anda kendalikan. Teknologi pengumpulan maklumat pasif boleh menjadikan penggunaan tapak sesawang The Foundation anda lebih mudah dengan membenarkan kami untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik, menyesuaikan tapak sesawang kami berdasarkan pilihan pengguna, menyusun statistik, menganalisis arah aliran, dan mentadbir dan menambah baik tapak sesawang The Clara Abbott Foundation. Ciri tertentu tapak sesawang kami mungkin tidak berfungsi tanpa penggunaan teknologi pengumpulan maklumat pasif. Maklumat yang dikumpul oleh teknologi ini tidak boleh digunakan untuk mengecam anda tanpa maklumat pengecaman tambahan, The Foundation tidak akan menghubungkan maklumat pengecaman tambahan dengan maklumat yang dikumpul melalui penggunaan teknologi penjejakan seperti itu. Untuk mengehadkan atau melumpuhkan teknologi penjejakan, sila lihat di bawah "Apakah pilihan yang saya ada tentang cara The Foundation mengumpul maklumat mengenai saya?".

IV. **Bagimanakah The Foundation menggunakan Maklumat Peribadi?**

The Foundation menggunakan Maklumat Peribadi anda bergantung pada cara anda berinteraksi dengan kami dan perkhidmatan yang anda gunakan. Secara umumnya, The Foundation menggunakan Maklumat Peribadi untuk menyediakan dan menambah baik perkhidmatan kami untuk anda, untuk menjawab persoalan dan permintaan anda, untuk berkomunikasi dengan anda, untuk keselamatan dan pencegahan penipuan, dan untuk mematuhi undang-undang. The Foundation mungkin menggunakan teknologi pengenalanpastian tertentu untuk membenarkan tapak sesawang "mengingati" pilihan peribadi anda, seperti bahagian tapak sesawang yang sering anda lawati. Kami juga boleh menggunakan Maklumat Peribadi ini untuk tujuan perniagaan lain, seperti menawarkan kepada anda peluang untuk menerima notis mengenai perkhidmatan dan produk The Foundation atau untuk mengajak anda mengambil bahagian dalam soal selidik tentang perkhidmatan dan/atau produk kami.

Secara umumnya, kami menggunakan Maklumat Peribadi untuk:

- **Menyediakan perkhidmatan:** untuk menentukan kesukaran dan kelayakan kewangan untuk perkhidmatan kami; mencadangkan cara lain untuk memberikan sokongan dan membuat rancangan untuk memenuhi keperluan anda dalam jangka masa pendek dan panjang, jika berkaitan; untuk memproses, jika ada, tawaran anda; untuk memantau kemajuan anda; dan untuk menentukan apa-apa cukai atau kewajipan undang-undang, jika berkaitan
- **Mengekalkan dan menyesuaikan perkhidmatan:** untuk mengekalkan tapak sesawang kami dan memahami dengan lebih baik minat pelanggan kami yang menggunakan perkhidmatan kami; untuk menyesuaikan pengalaman anda bersama The Foundation seperti tapak sesawang, dan mengingati pilihan anda; dan untuk membangunkan perkhidmatan

- **Berkomunikasi dengan anda:** untuk menjawab pertanyaan anda; dan untuk menghantar komunikasi kepada anda mengenai perkhidmatan The Foundation
- **Menyediakan keselamatan dan pencegahan penipuan:** untuk memantau, mengesan, dan mencegah penipuan dan aktiviti yang tidak wajar atau menyalahi undang-undang; untuk melindungi anda dan The Foundation; untuk menjamin perkhidmatan dalam talian kami termasuk rangkaian dan tapak sesawang kami dan menyahpepijat perkhidmatan dalam talian kami
- **Berkomunikasi dengan agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan undang-undang kerajaan dan mematuhi kewajipan undang-undang:** untuk mematuhi kewajipan undang-undang yang terpakai; untuk mematuhi kewajipan undang-undang dan peraturan The Foundation; untuk menjawab permintaan daripada pihak berkuasa kerajaan, permintaan kehakiman, dan situasi keselamatan negara; untuk menyiasat kemungkinan penipuan; untuk melaksanakan, menubuhkan, atau mempertahankan hak undang-undang The Foundation; dan untuk menyiasat, membicarakan dan mendakwa pengguna yang kami syak telah melanggar peraturan kami atau terlibat dalam tingkah laku yang kelihatan seperti menyalahi undang-undang atau berbahaya kepada orang lain
- **Memantau pematuhan dengan dasar dan prosedur kami**

V. Siapa yang akan mempunyai akses kepada Maklumat Peribadi tentang saya?

Maklumat Peribadi boleh diakses oleh sebilangan terhad pekerja Clara Abbott Foundation, kontraktor dan sukarelawan, dan oleh individu atau entiti yang kami berikan kontrak atau terlibat dengannya untuk menjalankan aktiviti perniagaan untuk The Foundation. Kami melatih pekerja, kontraktor dan sukarelawan kami tentang kepentingan privasi dan cara untuk mengendalikan dan mengurus Maklumat Peribadi dengan selamat dan sewajarnya.

Maklumat Peribadi anda akan dipindahkan ke, dan mungkin berpotensi disimpan di luar negara asal anda – termasuk di Amerika Syarikat dan negara-negara lain. Undang-undang privasi di negara-negara tersebut mungkin tidak melindungi maklumat peribadi anda sama seperti undang-undang di negara asal anda. Walau bagaimanapun, The Clara Abbott Foundation telah menerima pakai proses dan amalan untuk memastikan tahap perlindungan berterusan yang mencukupi untuk maklumat peribadi anda. Dengan menggunakan tapak sesawang kami atau melibatkan diri dengan kami untuk sebarang perkhidmatan kami, anda membenarkan The Foundation untuk memindahkan dan menyimpan Maklumat Peribadi anda di luar negara asal anda.

VI. Adakah The Foundation berkongsi Maklumat Peribadi dengan pihak ketiga?

Sebagai amalan biasa, The Foundation tidak berkongsi Maklumat Peribadi anda dengan pihak ketiga, melainkan maklumat itu diperlukan untuk menjalankan program atau aktiviti melalui kontraktor. Jika The Foundation memberikan Maklumat Peribadi anda kepada individu atau entiti yang membantu kami dengan aktiviti perniagaan kami, adalah menjadi amalan kami untuk menghendaki individu dan entiti tersebut untuk merahsiakan Maklumat Peribadi anda dan menggunakan Maklumat Peribadi anda hanya untuk melaksanakan tugas untuk The Foundation. The Clara Abbott Foundation berhak untuk mendedahkan Maklumat Peribadi anda untuk menjawab permintaan yang dibenarkan daripada pihak

berkuasa kerajaan, untuk menangani isu keselamatan negara, atau apabila dikehendaki oleh undang-undang.

VII. Adakah The Foundation berkongsi Maklumat Peribadi dengan Abbott?

Ya, dalam keadaan berikut, The Foundation akan berkongsi Maklumat Peribadi anda:

- Untuk mengesahkan Maklumat Peribadi anda, jika perlu, untuk The Foundation melaksanakan perkhidmatan kami
- Jika terdapat apa-apa ketidakkonsistenan yang disyaki semasa interaksi kami dengan anda atau mengikut maklumat yang dikumpul
- Jika berlaku penipuan yang disahkan
- Jika diminta semasa penyiasatan/audit yang dilakukan oleh Abbott

VIII. Adakah The Foundation menjual Maklumat Peribadi?

The Foundation tidak menjual Maklumat Peribadi atau memindahkan Maklumat Peribadi kepada pihak ketiga untuk digunakan untuk kepentingan mereka sendiri; walau bagaimanapun, kami membenarkan syarikat tertentu untuk meletakkan teknologi penjejakan seperti kuki pada tapak sesawang kami. Syarikat tersebut menerima maklumat mengenai interaksi anda dengan tapak sesawang kami yang berkait dengan penyemak imbas atau peranti anda. Selain perkongsian seperti ini, kami tidak menjual sebarang maklumat anda.

IX. Bagaimanakah The Foundation melindungi Maklumat Peribadi?

Kami menggunakan perlindungan teknikal, fizikal, pentadbiran dan organisasi untuk membantu melindungi Maklumat Peribadi anda, kerana menjadi amalan kami untuk mengambil langkah bagi melindungi perkhidmatan kami. Walau bagaimanapun, kerahsiaan Maklumat Peribadi yang dihantar melalui Internet atau cara lain tidak dapat dijamin, jadi kami menggesa anda untuk berhati-hati apabila menghantar Maklumat Peribadi. Selain itu, The Foundation tidak dapat menjamin bahawa pihak ketiga yang tidak dibenarkan tidak akan mendapat akses kepada maklumat anda; oleh itu, apabila menghantar Maklumat Peribadi kepada The Foundation, anda mestilah mempertimbangkan manfaat dan risiko.

The Foundation berkontrak dengan pihak ketiga yang tapak sesawang tidak dikawal oleh The Clara Abbott Foundation atau tertakluk pada Dasar Privasi. Anda harus menyemak dasar privasi tapak sesawang pihak ketiga tersebut sebelum menghantar Maklumat Peribadi.

X. Bagaimanakah The Foundation melindungi privasi kanak-kanak, dan kanak-kanak di bawah umur 17 tahun?

Melindungi privasi kanak-kanak sangat penting bagi kami. Kami tidak membenarkan kanak-kanak untuk berkomunikasi dengan kami atau menggunakan apa-apa perkhidmatan dalam talian kami dengan sengaja. Jika anda ibu bapa atau penjaga yang sah dan menyedari bahawa anak anda telah memberikan maklumat kepada kami, sila hubungi kami

menggunakan salah satu kaedah yang dinyatakan di bawah dan kami akan bekerjasama dengan anda untuk menangani isu ini.

XI. Apakah pilihan yang saya ada tentang cara The Foundation mengumpul dan menggunakan Maklumat Peribadi saya?

Anda boleh sentiasa menghadkan jumlah dan jenis Maklumat Peribadi tentang anda yang diterima oleh The Foundation dengan memilih untuk tidak menghantar apa-apa Maklumat Peribadi atau berinteraksi dengan kami melalui telefon, e-mel/mel atau tapak sesawang. Sesetengah perkhidmatan kami hanya boleh diberikan kepada anda jika anda memberi kami Maklumat Peribadi yang bersesuaian.

Tapak sesawang The Foundation boleh mempersoalkan sama ada anda ingin memilih keluar atau mengikut serta dalam senarai kenalan kami untuk perkhidmatan tambahan yang mungkin menarik minat anda. Sebahagian daripada tapak sesawang The Clara Abbott Foundation yang menggunakan teknologi penjejakan untuk mengumpul maklumat secara umumnya tidak memberi anda keupayaan untuk memilih keluar dari teknologi penjejakan. Walau bagaimanapun, sesetengah penyemak imbas membenarkan anda untuk menghadkan atau melumpuhkan penggunaan teknologi penjejakan yang mengumpul maklumat.

Untuk tujuan penyimpanan rekod kami dan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, kami akan menyimpan Maklumat Peribadi tertentu yang anda serahkan bersama-sama dengan permohonan geran untuk tempoh masa tertentu.

XII. Bagaimanakah saya boleh mengemas kini atau mengubah Maklumat Peribadi saya?

Anda boleh meminta untuk mengemas kini atau mengubah Maklumat Peribadi anda dalam rekod semasa kami. Sila maklumkan kepada kami tentang keinginan anda melalui salah satu cara yang dinyatakan di bawah.

XIII. Bagaimanakah saya boleh menghubungi The Clara Abbott Foundation?

Jika anda mempunyai soalan mengenai penggunaan atau pindaan Maklumat Peribadi yang telah anda berikan kepada kami atau anda mahu memilih keluar dari komunikasi pada masa depan dengan The Clara Abbott Foundation atau program The Foundation tertentu, sila hubungi kami dengan mengklik pada pautan "Hubungi Kami" di tapak sesawang The Foundation atau dengan menghantar e-mel kepada kami di askclara@abbott.com.

XIV. Bagaimanakah saya akan mengetahui sama ada The Foundation telah mengemas kini Dasar Privasi ini atau tidak?

The Foundation berhak untuk meminda Dasar Privasi ini pada bila-bila masa tanpa notis awal untuk mencerminkan kemajuan teknologi, perubahan undang-undang dan peraturan serta amalan perniagaan yang baik. Jika The Foundation mengubah amalan privasi, Dasar Privasi baharu akan mencerminkan perubahan tersebut dan tarikh kuat kuasa Dasar Privasi yang disemak semula akan ditetapkan pada permulaan Dasar Privasi ini.